

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

Pelan jangka panjang KKM tangani kekurangan doktor

Pelan Induk Sumber Manusia dipadankan dengan jumlah fasiliti, kemudahan sektor kesihatan awam

Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) merangka Pelan Induk Sumber Manusia bagi menangani isu kekurangan doktor dalam sektor kesihatan di negara ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata pelan itu akan dipadankan dengan jumlah fasiliti serta kemudahan dimiliki KKM.

"Untuk jangka panjang, saya sudah mengarahkan untuk kita buat Pelan Induk Sumber Manusia dan dipadankan dengan fasiliti pembangunan kita."

"Di samping apa yang kita terpaksa berusaha untuk tangani isu ini, dalam jangka panjang, kita akan ada satu yang bersifat dokumen sumber manusia, (untuk) keperluan bukan sahaja di KKM, malah di seluruh negara," katanya selepas menyempurnakan Majlis Sambutan Hari Imunisasi Kebangsaan dan Sidang Kemuncak Imunisasi Kebangsaan 2024 di sini, semalam.

Media sebelum ini melaporkan berikutnya kekurangan graduan



Dr Dzulkefly menyempurnakan Majlis Sambutan Hari Imunisasi Kebangsaan dan Sidang Kemuncak Imunisasi Kebangsaan 2024 sambil diperhatikan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan (dua dari kiri) di Putrajaya, semalam.

(Foto Hazreen Mohamad/BH)

perubatan, jumlah doktor pelatih KKM menurun sehingga 50 peratus sejak 2019 hingga menyebabkan penempatan doktor pelatih di hospital kerajaan semakin menurun.

Berdasarkan rekod, jumlah doktor pelatih pada 2019 adalah 6,134 dan angka itu menurun kepada 4,934 pada 2020 diikuti 4,173 (2021); 3,245 (2022) dan 3,271 pada tahun lalu.

Mengulas lanjut, Dr Dzulkefly berkata, pelan itu akan dirangka dengan kerjasama kementerian lain, termasuk Kementerian Pendidikan Tinggi.

Perluas program 'outreach'
Sementara itu, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KKM, Datuk Zainal Alhakab Seman, berkata kementerian akan mem-

perluaskan program *outreach* bagi menarik lebih ramai graduan tahun akhir jurusan perubatan untuk menyertai KKM.

"Bagi isu kekurangan MO (pegawai perubatan) dan HO (doktor pelatih), dari segi operasi kita sudah mengadakan *outreach* di lapangan dengan terbaharu di Pulau Pinang bersama Majlis Perubatan Malaysia (MMC) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA),

"Kita mempromosikan graduan atau pelajar tahun akhir ini di mana mereka boleh memohon untuk mendaftar dan sebagainya. Kita akan perluaskan lagi program ini supaya mungkin jumlah (sumber manusia) yang agak menyusut sedikit (dapat ditangani)," katanya.

Zainal berkata, dari segi perjawatan, kerajaan sebelum ini su-

dah bersetuju meluluskan kira-kira 800 jawatan pakar setiap tahun.


Terdahulu dalam ucapan pada majlis itu, Dr Zulkefly berkata, kerajaan meluluskan pemberian vaksin kombinasi Tetanus-Difteria-Pertussis (DTAP) kepada ibu hamil bermula hujung tahun ini, bagi melindungi bayi baru lahir daripada jangkitan penyakit Pertussis.

"Vaksin itu akan diberi secara percuma kerana ia termasuk dalam Program Imunisasi Kebangsaan (NIP)."

"Kita juga sedang pertimbang vaksin influenza (masuk dalam NIP), kerana kita tahu warga emas terdedah kepada risiko (jangkitan). Saya harap dalam Bajet 2025 atau seterusnya, kita akan mohon dimasukkan dalam NIP khas untuk warga emas," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA DEPAN

JANGAN PANIK



PENGAMBILAN
VAKSIN DI MALAYSIA

Pfizer - 61.2%
(44.5 juta dos)

Sinovac - 29.8%
(21.7 juta dos)

AstraZeneca - 7.9%
(5.7 juta dos)

Cansino - 0.3%
(220,000 dos)

Jumlah dos keseluruhan:
72,873,674

■ Kesan sampingan trombosis dengan sindrom trombositopenia (TTS) iaitu pembekuan darah dan kiraan platelet darah menjadi rendah akibat pengambilan vaksin AstraZeneca (AZ) hanya berlaku dalam tempoh satu hingga tiga minggu sahaja selepas vaksinasi.

■ Justeru, pakar perubatan menasihatkan penerima vaksin AZ di negara ini tidak perlu panik atau bimbang dengan isu penarikan semula vaksin itu daripada pasaran kerana mereka sudah melepassi tempoh kesan sampingan tersebut.

■ Tambahan pula, TTS dikelasifikasi amat jarang berlaku dan dianggarkan tiga hingga 15 kes bagi setiap sejuta dos vaksinasi, berbanding peranan AZ yang telah menyelamatkan banyak nyawa semasa awal kemunculan wabak Covid-19.

MUKA 2 & 3

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

Kesan sampingan AZ cuma sementara



MOHD FAIZUL HAJKA MAT KHAZI DAN LIZA MOKHTAR

Rakyat Malaysia tidak perlu bimbang pengeluar ditarik balik vaksin Covid-19 dari pasaran.

Walaupun rakyat Malaysia telah menerima lebih 5.7 juta dos vaksin AstraZeneca (AZ), orang ramai tidak perlu panik dengan kesan sampingannya susulan tindakan syarikat pengeluar menarik balik vaksin Covid-19 berkenaan di seluruh dunia mulai minggu lalu.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam Universiti Putra Malaysia, Profesor Dr Malina Osman berkata, syarikat farmaseutikal global Britain-Sweden itu berbuat demikian kerana vaksin AZ sudah tidak lagi berkesan untuk menangani varian baharu Covid-19 yang sentiasa berubah dan bermutasi dari masa ke masa.

Dr Malina berkata, keputusan syarikat

Beliau berkata, kesan sampingan yang serius dialami penerima vaksin bukan sebab utama keputusan penarikan berkenaan dibuat.

"Ibu ini sebenarnya sama seperti ubat-ubatan dan vaksin lain kerana dari sudut kajian klinikal, AZ sudah memaklumkan mengenai kesan sampingan termasuk kes yang serius.

"Saya tidak naikkan ada sesetengah penerima vaksin AZ yang mengalami komplikasi yang tidak dapat dielakkan kerana dalam ubat-ubatan biasa pun timbul masalah, sama seperti selepas mengambil ubat tahan sakit dan ubat demam," katanya.

Akhbar Britain, *Telegraph* baru-baru ini melaporkan keputusan itu dibuat selepas syarikat tersebut mengakui dalam dokument mahkamah bahawa vaksin berkenaan boleh menyebabkan kesan sampingan yang jarang berlaku dan berbahaya.

Dalam dokumen yang dikemukakan kepada Mahkamah Tinggi di London pada



DR MALINA

terbabit menghentikan pengeluaran dan menarik balik vaksin AZ dari pasaran adalah berkait rapat dengan kemampuan mereka untuk menambah baik vaksin berkenaan supaya selari dengan perkembangan jenis terkini virus Covid-19.

Februari, AZ mengakui vaksin Covid-19 buatannya 'boleh, dalam kes yang sangat jarang berlaku, menyebabkan TTS atau trombosis dengan sindrom trombosito-penia iaitu pembekuan darah dan kiraan platelet darah menjadi rendah'.

Menyatakan kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad pada Jumaat lalu memberi jaminan kerajaan akan menyediakan rawatan susulan pagi penerima vaksin Covid-19 termasuk AZ yang terbukti mengalami kesan sampingan ekoran vaksin yang diterima.

Dalam pada itu, Dr Malina berpandangan rakyat Malaysia tidak perlu bimbang secara melampau dalam isu berkenaan.

Beliau berkata, ini kerana vaksin AZ adalah selamat untuk digunakan semasa ia dihasilkan dan diedarkan di seluruh dunia semasa situasi pandemik Covid-19.

"Bagaimanapun, berikutkan perubahan semasa dan mutasi virus, maka vaksin AZ sedia ada tidak mampu lagi menangani jenis terkini."

"Jadi orang ramai yang pernah menerima vaksin AZ tidak perlu bimbang kerana komplikasi atau kesan sampingan suntikan itu sepatutnya hanya dirasai dalam tempoh satu hingga tiga minggu.

"Jika lebih sebulan atau lebih enam minggu maka ia bukan akibat kesan sampingan suntikan vaksin Covid-19," katanya.

VAKSIN & KES COVID-19 DI MALAYSIA

PENGAMBILAN VAKSIN

72,873,674

Jumlah dos keseluruhan

28,138,175

Jumlah penerima Dos 1

27,551,028

Jumlah penerima Dos 2

16,352,198

Jumlah penerima Dos Penggalak 1

832,273

Jumlah penerima Dos Penggalak 2

KES COVID-19 DI MALAYSIA

Kes pertama dikesan:
25 Januari 2020

Jumlah kes jangkitan:
5,278,406

Kematian: **37,348**

Sembuh: **5,233,268**

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia (2024) dan Worldometers.info.

Penerima vaksin perlu pantau sendiri kesihatan

SHAH ALAM - Tidak dinafikan isu penerimaan balik vaksin Covid-19 keluaran gergasi biofarmaseutikal Britain-Sweden, AstraZeneca daripada pasaran dunia membimbulkan kegusuran dalam kalangan penerimaan di negara ini.

Pekerja swasta, Muhammad Norhafifi Muhammad Nawi, 31, berkata, situasi terkini berkait kesan sampingan vaksin Covid-19 terhadap kesihatan agak membimbangkan.

"Lebih-lebih lagi imunisasi badan seolah-olah semakin lemah selepas disuntik vaksin. Dahulu, boleh pulih demam dalam masa satu atau dua hari namun kini membawa ke seminggu," katanya.

Justeru, Muhammad Norhafifi yang menerima suntikan vaksin Pfizer me-

nyarakannya agar rakyat membuat pemeriksaan menyeluruh untuk meneliti tahap kesihatan masing-masing.

Usahawan bidang makanan dan minuman, Shahar Najmi Md Jani, 40, pula mengakui setiap ubat manapun vaksin pasti ada sedikit sebanyak kesan sampingan.

"Sayang sendiri kini ada mengalami Bengkak dan bisa pada sendi kaki sedangkan situasi seperti itu sebelum ini tidak pernah terjadi. Tidak pastilah sama ada ia memang kesan daripada vaksin AZ atau faktor usia yang meningkat.

"Namun kafau benar vaksin Covid-19 mendatangkan mudarat, perkara ini tidak



MUHAMMAD NORHAFIFI



SHAHAR NAJMI



BALQIS NATRAH



ATIQAH DAZALAN

ini masih baik, cuma kadangkala ada rasa nafas seperti sedikit pendek," katanya.

Seorang lagi pekerja swasta, Atiqah Dazalan, 35, mengakui setakat ini dia tidak mengalami kesan serius selepas menerima vaksin Sinovac.

"Cuma kadang terasa seperti ada renjatan di kepala atau rasa pening," katanya.

Sementara itu, Sakina Adnan, 50, yang bekerja swasta mendakwa, sejak menerima vaksin Sinovac, dirinya akan lambat sembuh sekiranya demam atau tidak sihat.

wajar dibiarkan begitu sahaja," katanya.

Bagi pekerja swasta, Balqis Natrah Yusri, 27, setakat ini tiada kesan sampingan serius dialami setelah menerima dua dos vaksin AZ.

"Risau juga jika ada kesan sampingan yang serius tetapi alhamdulillah setakat

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL

TTS bahaya tapi jarang berlaku

PREMIUM

Sinar

Doktor dan Kritis



TTS melibatkan pembentukan darah beku yang boleh menyebabkan sumbatan (trombosis) pada salur darah dan juga penurunan platelet (trombositopenia).

Saluran darah tersumbat akibat pembentukan darah beku adalah antara komplikasi trombosis dengan sindrom trombositopenia (TTS) yang dikaitkan sebagai kesan sampingan vaksin Covid-19 AstraZeneca (AZ).

Istilah TTS mula diperkenalkan pada awal tahun 2021 oleh Pusat Pencegahan dan Kawalan Penyakit (CDC) Amerika Syarikat namun 'penyakit' itu tidak banyak diketahui ramai kerana jarang berlaku tetapi berbahaya.

Pakar Patologi (Hematologi) Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Hospital Sultan Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia, Profesor Madya Dr Eusni Rahayu Mohd Tohit berkata, ia melibatkan pembentukan darah beku yang boleh menyebabkan sumbatan (trombosis) pada salur darah dan juga penurunan platelet (trombositopenia).

"Platelet adalah sel pembeku yang berpuaya untuk menghentikan perdarahan jika berlaku kecederaan pada salur darah.

"Pengurangan bilangan platelet daripada 150,000 per mikroliter dikenali sebagai trombositopenia dan jika platelet berkurang ke tahap 10,000 per mikroliter, perdarahan serius boleh berlaku," katanya kepada *Sinar Premium*.

Tambahnya, sumbatan boleh berlaku dalam salur darah di mana-mana bahagian badan seperti otak, sistem pencernaan, sistem pernafasan atau pada anggota kaki dan tangan.

Jelas Eusni Rahayu lagi, punca sebenar TTS selepas vaksinasi masih belum diketahui secara terperinci namun secara dasarnya ia berkait dengan kecelaranan imun setelah individu menerima

suntikan vaksin. "Ia biasanya terjadi dalam julat 4 hingga 42 hari selepas vaksinasi. Kecelaranan imun tersebut mengakibatkan pembentukan antibodi terhadap 'platelet factor 4 (PF4)' yang tidak sepatutnya berlaku."

"PF4 merupakan sejenis protein yang dihasilkan oleh platelet dan membantu menjalankan fungsi pembekuan darah.

"Rentetan itu, antibodi tersebut mengganggu sistem imun individu, ia mengakibatkan gumpalan platelet yang kemudian mengaktifkan pembentukan darah beku. Ini menyebabkan sumbatan salur darah," ujar beliau.

Tambahnya, TTS diklasifikasi sebagai amat jarang dan dianggapkan berlaku dalam tiga hingga 15 kes bagi setiap juta dos vaksinasi.

"Berdasarkan tinjauan sistematis yang diterbitkan pada tahun 2023, majoriti penyakit TTS adalah kesan sampingan dari vaksin Covid-19 berdasarkan adenovirus sebagai vektor iaitu 95 peratus daripada vaksin AZ dan empat peratus melibatkan vaksin Janssen:



EUSNI RAHAYU

"Gejala sesak nafas pula adalah kerana sumbatan pada salur darah sistem pernafasan. Gejala sakit atau Bengkak di bahagian kakak adalah kerana sumbatan salur darah di anggota bawah."

"Sementara itu, pesakit yang bergejala bintik merah, mudah lebam, atau pendarahan adalah disebabkan oleh kekurangan platelet," jelasnya.

Tambah beliau, individu yang mengalami salah satu gejala atau lebih dalam lingkungan julat masa setelah suntikan vaksin diterima, perlu menjalani pemeriksaan.

"Gejala yang dialami harus mengambil kira julat masa, ujian makmal dan penyiasatan pengimajian bagi mengesahkan penyakit TTS adalah berkaitan dengan vaksin."

"Pemeriksaan melibatkan ujian makmal perlu untuk mengetahui tahap platelet pesakit dan penanda aras bio yang dikenali sebagai 'D-dimer'.

"Aras 'D-dimer' yang tinggi (melebihi 4 kali julat normal)



Penerima vaksin AZ semasa tempoh pandemik Covid-19 pada tahun 2020 hingga 2022, tidak perlu rasa panik atau risau.

INFO TROMBOSIS DENGAN SINDROM TROMBOSITOPENIA (TTS)

Puncu: Kecelaranan imun setelah menerima suntikan vaksin

Komplikasi: Darah beku, saluran darah tersumbat sama ada pada kepala, sistem pernafasan, perut serta tangan dan kaki

Gejala:

- Sakit kepala teruk, pandangan kabur
- Sakit perut, loya dan muntah
- Sesak nafas
- Kaki sakit dan bengkak
- Tubuh berbintik merah, mudah lebam dan berlaku pendarahan

(Pesakit akan mengalami satu atau lebih gejala)

Tempoh gejala: 4 hari hingga 42 hari selepas divaksin

memberi gambaran tentang sumbatan darah beku dalam tubuh pesakit," katanya.

Selain itu, pemerkiraan lain melibatkan penyiasatan pengimajian yang akan menunjukkan di mana lokasi sumbatan salur darah yang terlibat.

Ditanya sama ada TTS boleh berlaku walaupun tanpa kehadiran vaksin dalam tubuh, Eusni Rahayu berkata, terdapat satu keadaan klinikal yang mempunyai mekanisme mirip kepada TTS dan ia merupakan kesan sampingan terhadap ubat diketahui sebagai heparin.

"Heparin ialah ubat yang digunakan bagi mencegah berlakunya sumbatan salur darah disebabkan darah beku."

"Selain itu, sumbatan darah beku juga boleh berlaku antara-nya dalam penyakit berkaitan barah, penyakit berkaitan kecelaranan imun seperti sindrom antifosfolipid (APLS)."

"Sumbatan darah beku juga boleh berlaku dalam kalangan ibu mengandung yang mengalami kecelaranan sistem hati dan pemecahan darah," katanya.

Pada masa sama, beliau merangkang terdapat beberapa komplikasi lain yang mungkin boleh berlaku disebabkan vaksin Covid-19.

"Kajian yang disiarkan dalam National Library of Medicine mendapati terdapat kaitan vaksin dengan penyakit kecelaranan imun yang lain antaranya penyakit diabetes melitus jenis 1, penyakit autoimun berkaitan buah pinggang, sendi dan hati."

"Bagaimanapun, setakat ini tiada data yang kukuh dan jelas untuk menunjukkan hubungan sebab-akibat tersebut dan kajian

terperinci diperlukan untuk pembuktian tersebut," tegasnya.

Boleh dirawat

Eusni Rahayu menyarankan orang ramai agar tidak panik sebaliknya perlu lebih cakna dengan tanda-tanda awal TTS.

"Bagi penerima vaksin AZ semasa tempoh pandemik Covid-19 pada tahun 2020-2022, anda tidak perlu rasa panik atau risau kerana apabila telah melepasen enam minggu dari tarikh suntikan, tiada kesan sampingan yang memudaratkan akan berlaku."

"Berita baiknya, TTS boleh dirawat menerusi rawatan imunoglobulin secara intravena untuk menghalang pembentukan darah beku dan sumbatan pada salur darah," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

KKM cadang beri warga emas vaksin influenza

Dos ini perlu diambil setiap tahun kerana virus influenza ini bermutasi

Oleh TUAN BUQHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan (KKM) mempertimbangkan untuk melaksanakan pemberian vaksin influenza terhadap warga emas.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, pihaknya bercadang untuk memasukkan agenda itu di bawah Program Imunisasi Kebangsaan Malaysia (NIP).

"Mungkin dalam bajet tahun 2025 atau seterusnya kita akan mohon," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Sambutan Minggu Imunisasi Peringkat Kebangsaan di sini pada Isnin.

Menurut Dr Dzulkefly, pengambilan dos vaksin influenza akan memberi manfaat kepada golongan rentan.

"Kita tahu dari segi manfaat dan keberkesanannya terutamanya dari segi kumpulan rentan, warga emas.

"Saya akan berusaha untuk mendapatkan peruntukan itu," jelasnya.

Beliau berkata, warga emas hanya perlu mengambil satu dos vaksin influenza setiap tahun.

"Dos ini perlu diambil setiap tahun kerana virus influenza ini ber-



KKM mempertimbangkan untuk melaksanakan pemberian vaksin influenza terhadap warga emas.

mutasi," ujarnya.

Sebelum ini, Kumpulan Kerja Influenza Malaysia (MIWG) dan Persatuan Perubatan Geriatrik Malaysia (MSGM) menggesa kerajaan memberikan vaksinasi influenza tahunan secara percuma kepada warga emas terutamanya golongan pesara dan B40.

Sehingga kini, terdapat 40 buah negara telah melaksanakan vaksinasi influenza secara percuma kepada warga emas.

Populasi yang terdedah ini lebih berisiko mengalami radang paru-paru sebagai komplikasi influenza dan ini boleh menyebabkan kemasukan ke hospital berpanjangan dengan risiko kematian yang tinggi.

Sementara itu, mengulas mengenai

pelaksanaan kombinasi tetanus-difteria-pertussis (Tdap) kepada ibu mengandung, Dr Dzulkefly berkata, program tersebut dijangka bermula pada hujung tahun ini.

"Satu dos Tdap akan diberikan kepada ibu mengandung pada usia kehamilan 27 hingga 32 minggu," katanya.

Beliau berkata, rekod menunjukkan terdapat peningkatan kes batuk kokol dalam kalangan bayi dan pelaksanaan Tdap merupakan langkah pencegahan terhadap penyakit itu.

"Memang ada rekod kadang-kadang kes meningkat dalam kalangan mereka yang dapat vaksin, sebab itu perlu untuk kita beri kepada ibu supaya anak sudah mendapat imunisasi daripada emak," katanya.



DR DZULKEFLY

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NASIONAL

Jangan lupa ramai maut akibat Covid-19



ANALISIS
MUKA 16

ARNEY SYEMA ANUA

Kecoh apabila firma farmaseutikal AstraZeneca (AZ) membuat pengakuhan bahawa vaksin Covid-19 keluarannya boleh menyebabkan kesan sampingan dan telah menarik balik vaksin tersebut di seluruh dunia.

Pengakuhan itu dibuat dalam satu dokumen mahkamah bahawa vaksinnya berpotensi menyebabkan sindrom trombositopenia (TTS) atau pembekuan darah dalam beberapa kes terpencil.

Gergasi farmaseutikal itu menghadapi saman di Mahkamah Tinggi, United Kingdom (UK) atas dakwaan vaksin yang dibangunkan mereka bersama Universiti Oxford itu boleh menyebabkan kematian dan kecederaan serius dalam puluhan kes.

Sebanyak 51 kes telah dikemukakan di Mahkamah Tinggi UK setakat ini, dengan mangsa menuntut ganti rugi dianggarkan bernilai sehingga £100 juta (RM512 juta).

Meskipun berlaku di luar negara, namun berita ini turut mengejutkan rakyat Malaysia terutamanya mereka yang mengambil vaksin AZ. Rata-rata meluahkan rasa bimbang, tak kurang juga yang berkongsi perihal kesihatan masing-masing.

Malah ada yang mengaitkan kes serangan jantung, angin ahmar dan pembekuan darah yang berlaku disebabkan vaksin.

Bagi golongan antivaksin, inilah peluang untuk mereka 'menembak' dan mentertawakan penerima vaksin yang kononnya pendirian mereka

selama ini betul. Mereka turut memomok kesan pengambilan vaksin dengan kes-kes kematian yang berlaku di negara ini.

Bagaimanapun pakar kesihatan menasihatkan penerima vaksin AZ di negara ini tidak perlu risau kerana mereka sudah melepassi tempoh kesan sampingan berkenaan.

Menerusi laporan media, Pakar Klinikal (Perubatan Keluarga) Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Dr Megat Mohamad Amirul Amzar Megat Hashim menjelaskan, kesan sampingan *vaccine-induced immune thrombotic thrombocytopenia* (VITT) akibat pengambilan vaksin AZ hanya berlaku dalam tempoh empat hari hingga empat minggu selepas vaksinasi.

VITT adalah penyakit di mana darah membeku dan sel darah kuning menjadi kurang disebabkan tindak balas imuniti badan terhadap sel darah kuning itu.

Dalam pada itu, beliau turut menafikan kes serangan jantung, angin ahmar dan pembekuan darah yang masih berlaku mempunyai kaitan dengan vaksin. Sebaliknya ia berpunca dari faktor lain seperti merokok, masalah kolesterol, kencing manis dan sebagainya.

Jika diimbau semula ketika wabak Covid-19 melanda seluruh dunia pada tahun 2020, pasti ramai dalam kalangan kita tidak dapat melupakan peristiwa hitam yang menyaksikan banyak nyawa terkorban.

Ketika itu, seluruh hospital termasuk semua wad dan unit rawatan rapi (ICU) dipenuhi dengan pesakit Covid-19 sehingga barisan hadapan hampir lumpuh 'berperang' dengan wabak itu. Banyak negara juga terpaksa mengadakan pelbagai sekatan bagi membendung wabak.

Setiap hari ada sahaja nyawa yang terkorban, malah angkanya sangat menakutkan. Di saat seluruh

“

Sebanyak 51 kes telah dikemukakan di Mahkamah Tinggi UK setakat ini, dengan mangsa menuntut ganti rugi dianggarkan bernilai sehingga £100 juta (RM512 juta).”

dunia bergelut dengan wabak itu, hanya program vaksinasi sahaja menjadi harapan.

Menerusi program vaksinasi, rakyat Malaysia digalakkan mengambil vaksin. Selain AZ, jenis vaksin yang ditawarkan ketika itu termasuklah Pfizer dan Sinovac.

Meskipun tahap keberkesanan dan keselamatan vaksin diragui ketika itu, namun seluruh dunia, bahkan Malaysia tidak mempunyai pilihan lain selain vaksinasi bagi menghentikan wabak.

Di Malaysia, sebanyak 36,957 kematian akibat Covid-19 direkodkan setakat tahun lalu dan sejak program vaksinasi kadar kematian menunjukkan penurunan ketara.

Kita seharusnya bersyukur, dengan program vaksinasi itu jugalah kita dapat kembali meneruskan kehidupan seperti biasa.

Janganlah hanya kerana beberapa kes terpencil, usaha kerajaan dan barisan hadapan yang bertungku lumus menyelamatkan nyawa rakyat ketika itu menjadi pertikai dan diperlekeh begitu sahaja.

Hargailah susah payah kerajaan dan barisan hadapan yang bermartabat menyelamat nyawa kita semua!

*Arney Syema Anua ialah Editor Pengisian Sinar Harian

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA DEPAN

Pakar perubatan kurang bukan salah UiTM

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kemasukan pelajar bukan bumiputera ke Universiti Teknologi Mara (UiTM) bukan penyelesaian masalah kekurangan pakar perubatan yang sedang dihadapi Malaysia ketika ini.

Lagi pula, UiTM hanya mampu melahirkan 20 orang doktor pakar sahaja setiap tahun, sedangkan keperluan negara adalah sekitar 28,000 orang.

UiTM hanya melahirkan 20 doktor pakar setahun, keperluan negara pula 28,000

Oleh itu tidak logik menyalahkan universiti itu yang hanya khusus kepada bumiputera

sebagai punca kepada kekurangan doktor pakar di negara ini.

Selain UiTM terdapat banyak lagi institusi pendidikan tinggi lain yang bertanggungjawab melahirkan graduan perubatan di Malaysia.

Pada masa sama, kekurangan pakar perubatan juga berpunca daripada Akta 'Perubatan Pindaan' 2012 apabila undang-undang itu yang menghalang lulusan *Parallel Pathway* luar negara untuk diambil sebagai doktor pakar di

negara ini.

Presiden Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM, Saha-ruddin Lin berkata, masalah undang-undang perlu diselesaikan segera bagi membolehkan mana-mana individu menjadi pakar melalui *Parallel Pathway* luar negara diiktiraf, bukannya membuka laluan kepada bukan bumiputera memasuki UiTM bagi mengikuti program pasca siswazah.

Bersambung di muka 2

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : DALAM NEGERI

Pakar perubatan kurang bukan salah UiTM

Dari muka 1

"Majlis Perubatan Malaysia (MMC) adalah penjaga sah Pendaftaran Pakar Kebangsaan (NSR). Masalah kekurangan pakar bedah tidak seharusnya dibebankan kepada UiTM, sebaliknya pihak MMC dan undang-undang mengawal pakar-pakar daripada boleh berkhidmat di Malaysia perlu segera diubah," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini, wujud cadangan beberapa pihak agar UiTM dibuka kepada bukan bumiputera namun hanya untuk kursus pengajian pasca-siswazah perubatan ekoran isu kekurangan doktor pakar.

Bagaianapun, cadangan tersebut dibantah pelbagai pihak termasuk alumni dan kakitangan UiTM dengan menggesa pihak-pihak tersebut menghormati peranan universiti itu sebagai institut pengajian tinggi yang memfokuskan kepada orang Melayu dan bumiputera.

Dalam pada itu, Saharuddin menyifatkan cadangan tersebut kononnya bagi meramai-kan pakar perubatan dengan membuka laluan kepada bukan bumiputera adalah mustahil kerana proses pembelajaran memerlukan masa.

Menurut beliau, walaupun negara memerlukan 28,000 doktor pakar menjelang 2030, namun keluaran graduan program pasca-siswazah di bawah UiTM hanya 20 orang setahun.

Justeru, Saharuddin berkata, langkah lebih praktikal untuk mencapai 28,000 pakar dalam masa yang singkat ialah dengan memindahkan Akta Perubatan pindaan 2012 bagi mengiktiraf kursus *Parallel Pathway* negara luar seperti

Ireland dan United Kingdom untuk didaftarkan sebagai pakar di negara ini.

"Setahun UiTM hanya boleh keluar 20 pakar, kalaupun 10 tahun baru 200 orang. Macam mana untuk melihat UiTM sahaja untuk tampung 28,000 pakar."

"Dikatakan bahawa negara memerlukan 28,000 pakar perubatan menjelang 2030. Jika terdapat pihak yang ingin memastikan pelajar bukan bumiputera dan mengharapkan UiTM untuk meramaikan pakar perubatan, adalah dirasakan amat mustahil," tegas beliau.

Mengulas lanjut, kata beliau, pada Disember lalu MMC menolak permohonan empat graduan pembedahan kardiotorasiik *Parallel Pathway* Kementerian Kesihatan kolej diraja dari United Kingdom untuk mendaftar sebagai pakar kerana tidak mengiktiraf Fellowship of the Royal College of Surgeons of Edinburgh (FRCS Ed) dalam pembedahan kardiotorasiik.

"Hakikatnya, negara kita mempunyai ramai pakar bedah tetapi mereka berkhidmat di luar negara kerana kelulusan mereka tidak diiktiraf di dalam negara sendiri," kata-nya.

Katanya, undang-undang sekarang menghalang pakar-pakar tempatan lulusan *Parallel Pathway* luar negara untuk berdaftar di Malaysia kerana kononnya semua ini adalah untuk melindungi kursus sarjana di dalam negara.

"Jika untuk melindungi kursus sarjana tempatan, negara terpaksa menunggu lama untuk mencapai sasaran. Sekarang pun belum ada lagi pakar yang dikeluarkan oleh program UiTM-LN tersebut. Adakah

kita ingin melindungi kursus tempatan sedangkan belum pun ada pakar yang dikeluarkan daripada kursus berkenaan," katanya.

Sementara itu, Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) mahu UiTM Universiti terus kekal kepada status quo dan berpaksikan objektif asal iaitu membantu dalam meningkatkan taraf pendidikan bumiputera.

Ini kerana UiTM adalah hanya satu-satunya khazanah pendidikan bumiputera yang ada.

Justeru, MPPK yang terdiri wakil pemimpin universiti yang daripada pelbagai latar belakang tempat pengajian tetap dan teguh pertahanan UiTM di atas peruntukan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

"MPPK mengambil maklum berkenaan isu yang tular membabitkan institusi ini. Isu tersebut merujuk kepada cadangan dan pendapat individu mahupun tokoh masyarakat yang mencadangkan kemasukan bukan bumiputera ke universiti tersebut baru-baru ini.

